

Bantuan 1Azam tingkat pendapatan ibu tunggal

(FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH)



Fauziyatul Akma menunjukkan karipap sejuk beku yang diusahakan di Jalan Peramu-Kuantan, Tanjung Lumpur, Kuantan.

Kuantan: Program 1Azam yang diperkenalkan sejak 2010, mengubah kehidupan ibu tunggal, Fauziyatul Akma Abd Rahman, 49, yang mengusahakan gerai karipap panas di Jalan Peramu-Kuantan, Tanjung Lumpur, di sini.

Beliau yang mula berniaga di situ sejak tujuh tahun lalu, menerima bantuan mesin pengadun dan peti sejuk beku menerusi program berkenaan pada 2012.

"Saya bersyukur terpilih menyertai program 1Azam yang tujuannya untuk bantu golongan seperti saya meningkatkan taraf ekonomi dan pendapatan, sebelum dapat bantuan sedemikian, saya hanya boleh menjual karipap secara kecil-kecilan sahaja dan tidak

boleh buat produk sejuk beku macam sekarang.

"Pendapatan ketika itu masih boleh dikira sangat memuaskan, namun selepas menerima bantuan (1Azam), memang berbeza juga (pendapatan) diperolehi.

Proses 10kg tepung sehari

"Setiap hari, saya dengan bantuan tiga pekerja memproses lapan hingga 10 kilogram tepung gandum bagi menghasilkan empat jenis karipap dan temosa untuk jualan harian serta produk sejuk beku," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ibu kepada sepasang anak berusia 21 dan 25 tahun itu, berkata setiap hari mereka menyediakan empat jenis karipap iaitu karipap

kentang, inti daging, ayam dan keju yang dijual pada harga 50 sen sebiji.

Mereka turut membuat dua jenis temosa, iaitu temosa biasa dan temosa diraja yang turut mendapat sambutan baik pelanggan.

"Sekitar 2012, saya ada menggunakan laman sosial Facebook untuk mempromosi produk dihasilkan dan ia menerima reaksi positif pelanggan dari Terengganu, Kelantan dan Kuala Lumpur untuk menikmati keistimewaan karipap di gerai ini," katanya.

Fauziyatul Akma berkata, setiap minggu beliau mampu memperoleh pendapatan RM500 hanya untuk produk sejuk beku dihasilkan yang ditempah pelanggan.